

# PERKEMBANGAN PERUSAHAAN PERIKANAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1906-1959

*Pg Khairul Rijal Pg Hj Abdul Rahim*

## **Abstract**

Prior to the introduction of the British Residency in Brunei Darussalam, the majority of the population inhabited the area now known as Kampong Ayer (Water Village). The livelihood of the people before the large-scale shift to shore much depended on the sea and the forests nearby. In other words, the main trade was fishing as Sungai Brunei (the Brunei River) was bountiful with marine life which was their source of livelihood. However, the circumstances changed when the British Residency system was in place between 1906 and 1959. This system repositioned the centre of administration and the source of economy from the sea to the land. Regarding economic sources, the system therefore brought with it a new economic system that was more open in the form of a capitalist economy that is land-based, such as agriculture, mining and industry, in place of the old marine-economy. This meant the repositioning of the marine-based economy that was the backbone of the traditional administration eventually became marginalized. Hence, this paper discusses the development of the fishing industry between 1906 and 1959. During this period, Brunei Darussalam underwent three major phases: the initial period of the British residency (1906-1941), the Japanese occupation (1941-1945), and the second phases of the British residency (1946-1959). This paper also examines the influence of the administration style, economic development and the increase of population on fisheries during respective period.

## **Pengenalan**

Di Negara Brunei Darussalam, aktiviti menangkap ikan merupakan salah satu pekerjaan atau perusahaan tradisi yang diwarisi sejak sekian lama lagi. Keadaan ini adalah disebabkan majoriti penduduk negara ini sebelum sistem pentadbiran Residen British diperkenalkan pada tahun 1906 menetap di pesisiran sungai Brunei yang dikenali pada masa ini sebagai Kampong Ayer. Kehidupan majoriti penduduk Brunei pada ketika itu boleh dikatakan sebahagian besarnya bergantung pada Sungai Brunei atau hutan berhampiran, dengan kata lain sebagai nelayan kerana Sungai Brunei sememangnya kaya dengan hidup-hidupan laut yang menjadi sumber rezeki mereka. Namun demikian, keadaan ini telah berubah apabila Pentadbiran Residen British diperkenalkan yang lebih menumpukan kepada pembangunan sumber ekonomi daratan menggantikan sumber ekonomi yang berteraskan laut dan hutan. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan ketika itu.

Penulisan kertas kerja ini akan meneliti tentang perkembangan perusahaan perikanan di Negara Brunei Darussalam dari tahun 1906 hingga 1959. Dalam tempoh ini Negara Brunei Darussalam telah mengalami tiga tahap sejarah iaitu zaman awal Pentadbiran Residen British (1906-1941), zaman Pendudukan Jepun (1941-1945) dan zaman kedua Pentadbiran Residen British (1945-1959). Untuk meneliti perkara ini secara lebih mendalam, akan dibincangkan juga tiga faktor penting yang mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan pada tiga tahap sejarah tersebut iaitu corak pemerintahan, perkembangan ekonomi dan penambahan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

### **Corak Pemerintahan Brunei, 1906-1959**

Di sepanjang tempoh 1906-1959, Brunei telah mengalami tiga kali perubahan corak pemerintahan. Perubahan pertama berlaku pada tahun 1906 apabila kerajaan British berjaya menaungi Brunei. Kerajaan British telah memperkenalkan sistem Pentadbiran Residen British dengan menempatkan seorang Residen sebagai ketua pentadbiran yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Sultan dalam bidang pentadbiran serta segala urusan dalam dan luar negara, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.<sup>1</sup> Sistem Pentadbiran Residen British yang dilaksanakan di Brunei ini berdiri daripada dua dasar utama. Pertama, memperkenalkan kepada rakyat Brunei satu sistem pentadbiran sekular yang tidak mengetepikan *status quo* masyarakat tradisi Melayu Islam dan bersesuaian dengan kepentingan sosioekonomi British. Kedua, penerapan sistem pentadbiran sekular semata-mata untuk memudahkan lagi segala kegiatan ekonomi peribumi yang lebih teratur dengan memberi perhatian kepada pengeksploitasian kekayaan alam yang sah dan dilindungi oleh undang-undang serta untuk memperoleh kekayaan dan keuntungan yang maksimum.<sup>2</sup>

Untuk merealisasikan dua dasar ini, Residen British telah memindahkan pusat pentadbiran dan sumber ekonomi yang sebelum ini berada di kawasan air ke kawasan daratan. Usaha pertama yang dilakukan untuk perpindahan ini ialah dengan mendirikan bangunan Residen di darat sebagai pusat pentadbiran.<sup>3</sup> Di samping itu, Residen British juga menggalakkan penduduk Kampong Ayer berpindah ke darat bagi membentuk sebuah pusat bandar baru di daratan. Perkara ini dilakukan kerana Residen British berpendapat bahawa "*The country will not, and cannot, ever really advance until the capital is on dry land.*"<sup>4</sup>

Selain daripada kejayaan memperkenalkan sistem Pentadbiran Residen, pihak British juga berjaya memperkenalkan satu sistem ekonomi baru yang lebih terdedah kepada dunia luar dan bersistematik iaitu ekonomi bercorak kapitalis yang bersumberkan tanah daratan bagi menggantikan sistem ekonomi tradisi yang bersumberkan laut dan hutan. Sistem ekonomi baru yang diperkenalkan ini telah menjadikan Brunei sebagai salah satu tanah jajahannya dalam pengeksploitasian sumber-sumber yang mempunyai nilai perdagangan di pasaran antarabangsa. Untuk melaksanakan ekonomi baru ini, pihak pentadbiran telah menggalak dan membuka berbagai-bagai peluang ekonomi di kawasan daratan seperti pertanian, perlombongan dan perindustrian. Justeru itu, keadaan ini telah menarik pemodal-pemodal asing khususnya warganegara British untuk menjalankan kegiatan ekonomi di Brunei.

Dengan pemindahan dan perubahan sumber ekonomi ini, secara tidak langsung telah mengubah cara hidup sebahagian besar penduduk Brunei ketika itu yang bergantung pada sumber laut dan hutan kepada cara hidup yang bersumberkan tanah daratan. Keadaan ini telah mengakibatkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bersumberkan laut dan hutan yang menjadi tulang belakang semasa pentadbiran tradisi sebelum ini telah menjadi kegiatan ekonomi sampingan sahaja. Perusahaan perikanan ketika itu tetap tidak berubah seperti sebelumnya kerana tiada galakan dan bantuan yang diberikan oleh pihak pemerintah seperti yang diberikan kepada perusahaan-perusahaan lain. Pekerjaan tradisi majoriti orang Brunei menjadi nelayan mula berubah kepada pekerjaan menjadi buruh di perusahaan-perusahaan yang baru diperkenalkan.

Namun demikian, kerancangan sistem Pentadbiran Residen British dalam pengeksploitasian sumber-sumber ekonomi di negara ini tergendala atau terhenti seketika apabila Perang Dunia Kedua meletus. Tentera Jepun telah berjaya menduduki Brunei pada akhir tahun 1941. Dengan kejayaan tentera Jepun ini, sekali lagi Brunei mengalami perubahan corak pemerintahan, daripada pemerintahan bercorak koloni kepada corak pemerintahan ketenteraan.

Pemerintahan baru yang dijalankan oleh tentera Jepun ini lebih menumpukan kepada soal-soal yang berkaitan dengan ketenteraan dan keselamatan. Sepanjang tempoh ini, pihak Jepun hanya membuat rombakan terhadap perkhidmatan keselamatan (Polis) yang kebanyakannya dipilih daripada anak tempatan. Manakala di peringkat eksekutif, kuasa yang dipegang oleh Residen British sebagai penasihat kepada Sultan sebelum ini telah diganti oleh seorang Gabenor Jepun.<sup>5</sup>

Pada peringkat akhir Pendudukan Jepun di Brunei (1944-1945), keadaan kehidupan sosial dan ekonomi Brunei bertambah teruk. Ini disebabkan oleh beberapa serangan yang telah dilancarkan oleh Tentera Bersekutu untuk menawan semula Brunei dari Pendudukan Jepun. Selain itu, keadaan ini juga disebabkan oleh kegagalan sistem pentadbiran tentera Jepun yang tidak mendapat sokongan dari penduduk tempatan. Ini kerana pentadbiran yang dijalankan Jepun tidak teratur, aktiviti perdagangan dan eksport terhenti, sistem kesihatan dan pendidikan rendah serta pemerintahan mereka lebih mementingkan kepada usaha mempertahankan wilayah yang diduduki sahaja.<sup>6</sup>

Dengan kegagalan ini, telah menyebabkan ramai penduduk mengalami kebuluran, kelaparan dan kesengsaraan akibat bekalan makanan yang tidak mencukupi. Selain itu tahap kesihatan juga bertambah buruk apabila bekalan ubat menjadi sangat berkurangan. Keadaan ini telah memberi kesan yang sangat teruk, berbagai-bagai penyakit telah menimpa para penduduk Brunei terutama penyakit berjangkit seperti taun, malaria, cirit birit dan batuk kering.<sup>7</sup>

Untuk mengatasi kekurangan bekalan makanan, pihak Jepun telah mengarahkan penduduk tempatan untuk menanam tanaman makanan seperti ubi kayu, padi, sayur-sayuran dan sagu. Ubi kayu merupakan salah satu tanaman terpenting semasa pemerintahan tentera Jepun kerana ia mudah tumbuh dan dapat dijadikan pelbagai jenis makanan. Aktiviti penanaman makanan ini sentiasa dikawal oleh pihak Jepun dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap penduduk tempatan akan menyerahkan sebahagian daripada hasil tanaman mereka kepada pihak Jepun.

Dengan keadaan pemerintahan tentera Jepun yang lebih menumpukan kepada soal pertahanan dan aktiviti pertanian, secara tidak langsung telah menjejaskan perkembangan perusahaan perikanan. Pihak pemerintahan tentera

Jepun tidak memberi perhatian terhadap perkembangan perusahaan perikanan. Tiada sebarang rancangan dan langkah yang diambil bagi memajukan perusahaan perikanan pada masa itu. Mereka hanya memastikan setiap hasil tangkapan yang diperoleh dari perusahaan perikanan wajib dijual atau diserahkan kepada mereka.

Akan tetapi corak pemerintahan ketenteraan ini hanya bertahan selama lebih kurang tiga setengah tahun sahaja, apabila Tentera Bersekutu berjaya menawan semula Brunei daripada Pendudukan Jepun pada pertengahan tahun 1945. Dengan kejayaan ini, penaungan kerajaan British ke atas Brunei dapat disambung semula yang sekali gus menyebabkan Brunei menerima sistem Pentadbiran Residen British buat kali kedua.

Pentadbiran Residen British kali kedua ini lebih menyeluruh dan tersusun jika dibandingkan dengan Pentadbiran Residen British I sebelum Pendudukan Jepun. Perkara ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk meraih simpati dan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran baru ini. Pentadbiran ini telah memperlihatkan keterlibatan secara langsung Pentadbiran Residen British II terhadap pembangunan ekonomi dan sosial Brunei. Perkara ini dapat dilihat melalui usaha Pentadbiran Residen British II mendatangkan beberapa pegawai perkhidmatan awam dari *Malayan Civil Service* dan beberapa pegawai teknikal dari *Malayan Professional Service*. Usaha ini dilaksanakan bagi menjamin keberkesanan jentera pentadbiran baru dalam membangun Brunei, kerana masa itu tidak ramai tenaga tempatan yang boleh mengisi jawatan pentadbiran. Dengan kedatangan pegawai-pegawai dari luar telah mengukuhkan lagi kedudukan, pengaruh dan kuasa British di Brunei apabila hampir keseluruhan jawatan pentadbiran dalam kerajaan Brunei telah diisi oleh mereka.<sup>8</sup>

Dengan kedudukan, pengaruh dan kuasa British yang semakin kukuh ini, beberapa rancangan secara berperingkat telah disusun oleh pihak Pentadbiran Residen British II di Brunei. Antara rancangan penting yang berjaya dilaksanakan ialah rancangan menyatukan pentadbiran Brunei dengan Sarawak. Penyatuan ini telah ditandatangani pada 1 Mei 1948. Dengan penyatuan ini tugas Gabenor Negeri-Negeri Selat sebagai Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei sebelum Perang Dunia Kedua telah dipindahkan kepada Gabenor Sarawak yang telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei yang baru.<sup>9</sup>

Hasil daripada penyatuan ini telah memperlihatkan penglibatan secara langsung Pentadbiran Residen British II terhadap perusahaan perikanan apabila sebuah Jabatan Perikanan gabungan antara Brunei dan Sarawak telah ditubuhkan pada awal tahun 1949 di bawah pengendalian Mr. E. H. Weigall. Beliau seterusnya dilantik menjadi Pegawai Perikanan pada 1 April 1949.<sup>10</sup> Dengan penubuhan jabatan ini kegiatan perikanan telah dapat berjalan dengan lebih teratur dan bersistematik. Bermula pada tahun 1950 peralatan menangkap ikan, perahu, bilangan nelayan dan hasil tangkapan tahunan mula direkod dan dicatatkan dalam Laporan Tahunan Negeri Brunei. Untuk memajukan lagi perusahaan perikanan, satu undang-undang tentang perikanan di bawah "*The Sea Fishing and Kilongs Enactment, 1958*" telah digubal dan dikuatkuasakan.

Sistem pentadbiran Brunei bertambah baik dan teratur lagi apabila Sultan Omar Ali Saifuddin III (Sultan Brunei ke 28) yang juga dikenali sebagai "*Arkitek Brunei Modern*" menaiki takhta pada 6hb. Jun 1950. Bermula dari era pemerintahan baginda inilah Brunei telah mengalami banyak perubahan sama ada dari segi politik, pentadbiran, ekonomi, sosial, keagamaan dan pembangunan. Usaha pertama yang dilakukan baginda untuk membangunkan Brunei ialah dengan

mengadakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang pertama antara tahun 1953-1958 yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$100 juta.<sup>11</sup> Dengan adanya RKN ini, Brunei merupakan negara pertama dalam sejarah kolonial British yang mengadakan RKN kerana negara kolonial British lain hanya mengadakan RKN setelah berjaya mendapatkan status berkerajaan sendiri seperti Malaya pada tahun 1955.<sup>12</sup>

Melalui RKN yang pertama ini, segala usaha dan rancangan pembangunan Brunei telah bertukar kepada corak yang lebih berencana, yang mempunyai objektif dan matlamat yang lebih jelas berbanding dengan corak pembangunan pada tahun-tahun sebelumnya. Dalam RKN yang pertama ini penekanan diberi ke arah pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial.<sup>13</sup>

Bagi melaksanakan RKN ini terutama dalam aspek pembangunan infrastruktur dan ekonomi, Brunei memerlukan ramai tenaga buruh. Pentadbiran Residen British II telah mendatangkan tenaga buruh dari luar seperti Cina, India, Jawa, Iban/Dayak dan Eropah.<sup>14</sup> Dengan kedatangan ramai tenaga buruh dari luar, sekali gus telah meningkatkan permintaan sumber makanan, tidak terkecuali ikan sebagai sumber protein termurah. Untuk memenuhi bekalan ikan ini, sejumlah \$90 ribu telah diperuntukkan dalam RKN yang pertama, kemudian ditambah lagi sejumlah \$30 ribu pada tahun 1955 untuk melaksanakan rancangan memberi bantuan kepada nelayan. Rancangan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi perusahaan perikanan di Brunei dengan cara membantu dan memperbaiki kaedah-kaedah tradisi yang digunakan oleh kaum nelayan.

## **Perkembangan Ekonomi Brunei, 1906-1959**

Semasa pemerintahan Pentadbiran Residen British I, pemerintahan koloni ini telah memperkenalkan sistem ekonomi kapitalis yang lebih terdedah kepada dunia luar. Melalui sistem yang baru diperkenalkan ini, British telah menjadikan tanah daratan sebagai pentas pengeksploitasian ekonomi mereka bagi mengeluarkan dan menghasilkan komoditi-komoditi yang diperlukan oleh pasaran antarabangsa seperti *cutch*, getah asli, sagu, arang batu, minyak mentah dan gas asli.

Namun demikian, dalam usaha membangunkan sistem ekonomi baru ini, Pentadbiran Residen British tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi tersebut, tetapi menggalak dan membukakan seluas-luasnya peluang kepada para pemodal luar untuk mengusahakan aktiviti dan perusahaan ekonomi di Brunei. Golongan pemodal melalui syarikat masing-masing bertanggungjawab dalam menguruskan modal, teknologi dan buruh bagi mengeksploitasi sumber daya yang ada untuk dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, pihak Pentadbiran Residen British hanya memperoleh pendapatan melalui beberapa cukai import dan eksport yang diperkenalkan. Dengan cukai inilah, mereka memanfaatkan untuk membina infrastruktur dan membayar gaji pegawai-pegawai.

Aktiviti ekonomi daratan dan cukai import eksport yang dilaksanakan telah dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara melalui perdagangan luar. Hasil dari perdagangan luar ini, pada tahun 1918 buat pertama kalinya dalam sejarah perdagangan Brunei mencapai angka juta iaitu \$1,396,587. Dari jumlah ini 74 peratus iaitu kira-kira \$1,033,734 diperoleh daripada hasil eksport, manakala selebihnya 26 peratus iaitu kira-kira \$362,853 daripada perdagangan import.<sup>15</sup> Selepas daripada tahun itu jumlah perdagangan Brunei sentiasa mencapai angka

juta kecuali pada tahun 1922 apabila jumlah perdagangan Brunei hanya mencapai \$968,932.<sup>16</sup> Kejatuhan hasil perdagangan Brunei pada tahun 1922 disebabkan oleh kejatuhan nilai getah asli akibat kemelesetan ekonomi dunia yang bermula pada awal tahun 1920-an.<sup>17</sup> Manakala 1940 adalah tahun kemuncak dan tertinggi sepanjang tempoh Pentadbiran Residen British I dengan jumlah perdagangan mencapai \$13,410,133 (lihat Jadual 1).

Oleh sebab dasar pentadbiran ini lebih mementingkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi daratan, maka aktiviti-aktiviti ekonomi yang berasaskan laut dan hutan seperti perikanan yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi Brunei suatu masa dahulu, hanya menjadi sektor sampingan sahaja. Pentadbiran Residen British I tidak memberi sebarang bantuan, galakan dan pelaburan dalam pembangunan perusahaan perikanan kecuali dari segi penggubalan dasar dan peraturan sahaja bagi tujuan mengutip bayaran lesen bot-bot perikanan dan peralatan menangkap ikan. Oleh itu, perusahaan perikanan hanya berkembang dengan sendirinya sahaja. Selain itu, dengan kedatangan para pemodal luar dalam pembangunan ekonomi dalam sektor pertanian, perlombongan dan perindustrian memerlukan ramai tenaga buruh untuk menjalankannya. Untuk memenuhi permintaan tenaga buruh ini, pihak Pentadbiran Residen British telah menggalakkan penduduk Brunei yang majoritinya menetap di Kampong Ayer untuk berpindah ke tanah daratan bagi melibatkan diri dalam sektor ekonomi yang baru. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjejaskan perkembangan perusahaan perikanan, apabila pekerjaan utama penduduk Brunei menjadi nelayan telah bertukar menjadi buruh di daratan.

Perkembangan ekonomi Brunei semasa Pentadbiran Residen British I ini telah terjejas atau terhenti seketika semasa zaman Pendudukan Jepun di Brunei (1941-1945). Keadaan ini adalah disebabkan ekonomi antarabangsa secara umumnya telah lumpuh akibat daripada Perang Dunia Kedua. Aktiviti ekonomi pada tempoh ini lebih tertumpu kepada sumber-sumber yang boleh dimanfaatkan dan digunakan untuk peperangan sahaja. Antara sumber ekonomi yang diberi tumpuan ialah penghasilan minyak mentah untuk keperluan peperangan dan pengeluaran makanan untuk tentera Jepun.

Dalam mendapatkan bekalan minyak untuk peperangan, pemerintahan Jepun telah berusaha mengeluarkan minyak daripada telaga-telaga sedia ada. Sepanjang Pendudukan Jepun, mereka telah berjaya mengeluarkan 11,498,000 tong minyak dari telaga-telaga yang terdapat di Seria dan Miri.<sup>18</sup> Dari jumlah ini dianggarkan kira-kira 1,594,000 tan minyak telah dikeluarkan dari padang minyak Seria.<sup>19</sup>

Manakala dalam usaha untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi, pemerintahan Jepun telah menggesa penduduk tempatan untuk berusaha gigih dalam memajukan aktiviti-aktiviti pertanian. Mereka mengarahkan penduduk tempatan untuk membuka tanah-tanah baru di kawasan pedalaman untuk menjalankan aktiviti pertanian. Perkara ini telah menyebabkan kegiatan perikanan terjejas terutama sekali pada tahun-tahun akhir Pendudukan Jepun. Para penduduk yang sebelum ini terlibat dalam kegiatan perikanan hanya menumpukan perhatian kepada aktiviti pertanian untuk menghasilkan sumber makanan terutama penanaman ubi kayu bagi menggantikan bekalan beras yang sukar didapati ketika itu. Selain itu ramai penduduk Brunei termasuk juga penduduk yang menetap di kawasan menangkap ikan (Kampong Ayer) telah melarikan diri ke kawasan-kawasan pedalaman. Dengan menetap di kawasan pedalaman ini sekurang-



**Jadual 1: Nilai Perdagangan Brunei 1906-1941**

Tahun	Nilai				Jumlah \$	Peratus Pertumbuhan	Imbangan (+/-)
	Eksport \$	Peratus %	Import \$	Peratus %			
1906*	1,560	2.5	60,878	97.5	62,438	-	-59,318
1907*	50,976	38.1	82,775	61.9	133,751	114.2	-31,799
1908*	78,909	49.6	80,029	50.4	158,938	18.8	-1,120
1909*	237,112	77.2	70,207	22.8	307,319	93.4	166,905
1910*	245,639	75.0	81,985	25.0	327,624	6.6	163,654
1911	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1912*	313,924	78.7	84,883	21.3	398,807	-	229,041
1913*	361,934	80.3	88,948	19.7	450,882	13.1	272,986
1914*	377,865	74.9	126,743	25.1	504,608	11.9	251,122
1915	543,707	69.9	234,044	30.1	777,751	54.1	309,663
1916	734,254	74.2	254,756	25.8	989,010	27.2	479,498
1917	952,260	83.4	189,451	16.6	1,141,711	15.4	762,809
1918	1,033,734	74.0	362,853	26.0	1,396,587	22.3	670,881
1919	1,126,924	64.7	614,061	35.3	1,740,985	24.7	512,863
1920	1,172,496	61.9	722,678	38.1	1,895,174	8.9	449,818
1921	791,028	65.8	410,854	34.2	1,201,882	-36.6	380,174
1922	577,305	59.6	391,627	40.4	968,932	-19.4	185,678
1923	900,307	65.7	470,463	34.3	1,370,770	41.5	429,844
1924	867,190	51.9	803,242	48.1	1,670,432	21.9	63,948
1925	1,859,736	62.8	1,103,418	37.2	2,963,154	77.4	756,318
1926	1,651,048	50.4	1,625,535	49.6	3,276,583	10.6	25,513
1927	1,443,703	50.4	1,418,515	49.6	2,862,218	-12.6	25,188
1928	1,058,071	43.3	1,385,744	56.7	2,443,815	-14.6	-327,673
1929	1,251,335	45.7	1,484,293	54.3	2,735,628	11.9	-232,958
1930	807,449	24.1	2,536,422	75.9	3,343,871	22.2	-1,728,973
1931	501,494	18.6	2,193,511	81.4	2,695,005	-19.4	-1,692,017
1932	1,505,738	38.3	2,430,247	61.7	3,935,985	46.0	-924,509
1933	2,191,037	47.6	2,411,768	52.4	4,602,805	16.9	-220,731
1934	3,390,750	65.9	1,751,868	34.1	5,142,618	11.7	1,638,882
1935	3,709,499	65.0	1,994,059	35.0	5,703,558	10.9	1,715,440
1936	4,205,270	69.2	1,869,994	30.8	6,075,264	6.5	2,335,276
1937	5,595,240	69.0	2,516,154	31.0	8,111,394	33.5	3,079,086
1938	6,580,482	74.3	2,281,799	25.7	8,862,281	9.3	4,298,683
1939	7,858,878	70.7	3,256,768	29.3	11,115,646	25.4	4,602,110
1940	9,622,973	71.8	3,787,160	28.2	13,410,133	20.6	5,835,813
1941	6,624,835	70.8	2,725,809	29.2	9,350,644	-30.3	3,899,026

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: \* 1906-1914 Nilai Perdagangan Eksport dan Import bagi Bandar Brunei Sahaja.

: t.d. - tiada data.

kurangnya mereka dapat bergantung pada hasil hutan sebagai sumber makanan dan mereka dapat bercucuk tanam di kawasan tersebut. Malahan ada penduduk yang telah berpindah ke daerah-daerah lain seperti Limbang, Lawas dan Labuan.<sup>20</sup>

Selepas Tentera Bersekutu berjaya menawan semula Brunei daripada pendudukan Jepun, Pentadbiran Residen British yang terhenti dapat disambung semula. Ini bermakna, sistem ekonomi kapitalis dapat dihidupkan semula selepas terhenti semasa Pendudukan Jepun. Di bawah pentadbiran kali kedua Residen British ini, ekonomi Brunei telah pulih dengan cepatnya. Perkara ini dapat dilihat pada Jadual 2, nilai eksport dan imbalan perdagangan Brunei yang memperlihatkan pertambahan yang pesat terutama pada tahun-tahun 1950-an.<sup>21</sup> Perkara ini jelas, apabila jumlah perdagangan Brunei telah meningkat daripada \$97,897,961 pada tahun 1949 kepada \$265,653,555 pada tahun 1950. Pertambahan ini berhubung rapat dengan peningkatan nilai eksport minyak mentah dari setahun ke setahun (lihat Jadual 3). Selain itu, keadaan ini juga disebabkan peranan yang dimainkan oleh Pentadbiran Residen British II dengan membawa masuk pemodal-pemodal Eropah untuk menceburi bidang-bidang ekonomi di Brunei seperti perlombongan, pertanian dan perhutanan.

Dengan perkembangan pesat ekonomi Brunei dan penglibatan golongan pemodal dalam aktiviti ekonomi telah meningkatkan keperluan kepada tenaga buruh. Hal ini dengan sendirinya menambahkan terhadap permintaan sumber makanan, termasuk sumber perikanan sebagai sumber protein. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi terhadap perkembangan perusahaan perikanan ketika itu bagi memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat.

### **Pertambahan Penduduk Brunei, 1906-1959**

Sepanjang tempoh 1906-1959, catatan tentang pertambahan penduduk hanya dapat diperoleh pada dua zaman sahaja iaitu pada zaman Pentadbiran Residen British I dan II. Manakala pada zaman Pendudukan Jepun tiada sebarang catatan atau banci penduduk yang dijalankan disebabkan berlakunya Perang Dunia Kedua.

Semasa zaman Pentadbiran Residen British I, penduduk Brunei telah meningkat dengan drastiknya. Jika dilihat dari anggaran penduduk pada tahun 1906, maka penduduk Brunei telah meningkat sebanyak 63.1 peratus, daripada 25,000 pada tahun 1906 kepada 40,774 orang pada tahun 1941. Jumlah ini meningkat dalam kadar 87.7 peratus, jika dikira daripada banci penduduk pertama Brunei pada tahun 1911, iaitu daripada 21,718 orang pada tahun 1911 kepada 40,774 orang pada tahun 1941 (lihat Jadual 4).

Banci penduduk jelas menunjukkan bahawa hampir kesemua komuniti kecuali komuniti lain-lain adalah sentiasa meningkat pada setiap tahun banci dijalankan. Komuniti Melayu dan puak asli lain selaku komuniti terbanyak di Brunei telah meningkat daripada 20,881 orang pada tahun 1911 kepada 26,972 orang pada tahun 1931. Manakala komuniti Cina dan India merupakan dua komuniti yang sentiasa meningkat di setiap banci sama ada dari segi bilangan mahupun peratusan daripada jumlah keseluruhan penduduk. Komuniti Cina telah meningkat daripada 736 orang atau 3.39 peratus pada tahun 1911, menjadi 1,423 orang iaitu 5.59 peratus pada tahun 1921 dan terus meningkat pada tahun 1931 menjadi 8.90 peratus dengan jumlah sebanyak 2,683 orang. Peningkatan komuniti



**Jadual 2: Nilai Perdagangan Brunei 1946-1959**

Tahun	Nilai				Jumlah \$	Peratus Pertumbuhan %	Imbangan (+/-)
	Eksport \$	Peratus %	Import \$	Peratus %			
1946*	781,145	28.2	1,993,248	71.8	2,774,393	-	-1,212,103
1947	31,079,709	65.5	16,391,373	34.5	47,471,082	1611.0	14,688,336
1948	49,252,710	58.3	35,207,305	41.7	84,460,015	77.9	14,045,405
1949	62,062,791	63.4	35,835,170	36.6	97,897,961	15.9	26,227,621
1950	205,388,521	77.3	60,265,034	22.7	265,653,555	171.4	145,123,487
1951	271,838,398	84.4	50,358,830	15.6	322,197,228	21.3	221,479,568
1952	275,633,204	78.2	76,719,967	21.8	352,353,171	9.4	198,913,237
1953	282,593,113	71.3	113,722,162	28.7	396,315,275	12.5	168,870,951
1954	273,476,507	73.2	99,880,894	26.8	373,357,401	-5.8	173,595,613
1955	303,418,823	76.5	93,384,093	23.5	396,802,916	6.3	210,034,730
1956	330,291,877	74.3	114,083,317	25.7	444,375,194	12.0	216,208,560
1957	339,984,633	76.0	107,463,542	24.0	447,448,175	0.7	232,521,091
1958	326,877,860	78.7	88,665,955	21.3	415,543,815	-7.1	238,211,905
1959	310,004,846	83.1	62,965,731	16.9	372,970,577	-10.2	247,039,115

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: \* Nilai Perdagangan Eksport dan Import bagi enam bulan terakhir sahaja.

**Jadual 3: Nilai Eksport Minyak Mentah Brunei 1946-1959**

Tahun	Nilai \$	Peratus Pertumbuhan	Peratus daripada Eksport Keseluruhan
1946	t.d.	t.d.	t.d.
1947	29,540,995	-	95.05
1948	47,140,683	59.6	95.71
1949	60,131,144	27.6	96.89
1950	198,210,084	229.6	96.50
1951	262,813,614	32.6	96.68
1952	270,684,253	3.0	98.20
1953	263,961,743	-2.5	93.41
1954	262,206,468	-0.7	95.88
1955	286,920,405	9.4	94.56
1956	309,308,981	7.8	93.65
1957	313,737,265	1.4	92.28
1958	300,429,192	-4.2	91.91
1959	292,596,639	-2.6	94.38

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: t.d. – tiada data.

**Jadual 4: Jumlah Penduduk 1906-1941**

Tahun	Jumlah Penduduk
1906	25,000
1907-1910	t.d.
1911	*21,718
1912-1920	t.d.
1921	*25,451
1922-1926	t.d.
1927	37,878
1928	35,000
1929	28,329
1930	31,170
1931	*30,135
1932	30,590
1933	32,900
1934	32,971
1935	33,732
1936	34,016
1937	35,963
1938	37,868
1939	39,387
1940	39,445
1941	40,774

Sumber: *Brunei Annual Report & Brunei Statistical Year Book* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: \* - data Banci Penduduk.

: t.d. - tiada data.

ini disebabkan berlakunya kemasukan beramai-ramai komuniti Cina dari Jesselton, Labuan dan juga Miri<sup>22</sup> untuk memenuhi keperluan pekerjaan dan tenaga buruh di sektor-sektor ekonomi yang giat diusahakan di Brunei (lihat Jadual 5). Begitu juga komuniti India, telah meningkat dengan pesat daripada 44 orang pada tahun 1911 dan 38 orang pada tahun 1921 kepada 377 orang pada tahun 1931. Peningkatan ini disebabkan oleh keperluan Brunei untuk mendapatkan pekerja-pekerja berbangsa India untuk menjadi tenaga buruh di sektor-sektor perlombongan dan pertanian.<sup>23</sup>

Pemodal-pemodal Eropah telah diberi peluang untuk datang ke Brunei untuk membuat pelaburan. Keadaan ini sekali gus telah meningkatkan bilangan komuniti Eropah. Walaupun peratusan komuniti ini sangat kecil dan tidak pernah mencapai satu peratus dari jumlah keseluruhan penduduk, namun demikian bilangannya sentiasa meningkat dari 20 orang pada tahun 1911, kepada 35 orang pada tahun 1921 dan terus meningkat sebanyak 60 orang pada tahun 1931. Begitu juga dengan komuniti Eurasian yang telah meningkat daripada dua orang pada tahun 1911 kepada 10 orang pada tahun 1931 (lihat Jadual 5).

**Jadual 5: Penduduk Brunei Mengikuti Banci Penduduk 1911, 1921 dan 1931**

Kaum/Tahun	1911		1921		1931	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu dan Puak Asli Lain	20,881	96.15	23,943	94.06	26,972	89.50
Eropah	20	0.09	35	0.14	60	0.20
Eurasian	2	0.01	1	0.004	10	0.03
Cina	736	3.39	1,423	5.59	2,683	8.90
India	44	0.20	38	0.15	377	1.25
Lain-Lain	35	0.16	11	0.04	33	0.11
Jumlah	21,718	100	25,451	100	30,135	100

Sumber: *Brunei Annual Report 1911*, J. E. Nathan. *The Census of British Malaya 1921*. hlm. 149 dan C. A. Vlieland. *British Malaya: A Report on The 1931 Census and Certain Problems of Vital Statistics*. hlm. 126.

Sementara itu, jumlah yang tergolong dalam kumpulan penduduk yang aktif dalam pekerjaan adalah sebanyak 47.6 peratus pada tahun 1921. Peratusan ini berkurangan sedikit menjadi 46.3 peratus pada tahun 1931. Daripada jumlah penduduk yang aktif dalam pekerjaan tersebut, sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam kegiatan pertanian, iaitu 8,233 orang (68.0 peratus) dalam tahun 1921 dan 8,289 orang (59.5 peratus) dalam tahun 1931. Manakala hanya 8.2 peratus (989 orang) pada tahun 1921 dan 6.7 peratus (936 orang) pada tahun 1931, penduduk yang terlibat dalam perusahaan perikanan (lihat Jadual 6).

Begitu juga halnya pada zaman Pentadbiran Residen II jumlah penduduk semakin bertambah daripada 30,135 orang pada tahun 1931 menjadi 40,657 orang pada tahun 1947 dan terus meningkat dengan drastik sekali pada tahun 1960 iaitu seramai 83,877 orang.<sup>24</sup> Daripada jumlah keseluruhan tersebut, semua komuniti pada zaman ini sentiasa meningkat pada setiap banci penduduk dijalankan. Bilangan komuniti Melayu dan puak asli telah meningkat daripada 26,972 orang pada tahun 1931 menjadi 31,161 orang pada tahun 1947 dan meningkat lagi pada tahun 1960 kepada 59,603 orang. Manakala Komuniti Cina telah meningkat daripada 2,683 orang pada tahun 1931 kepada 8,300 orang pada tahun 1947 dan 21,795 orang menjelang tahun 1960. Begitu juga halnya dengan komuniti India<sup>25</sup> dan komuniti lain-lain yang juga meningkat pada setiap banci tersebut (lihat Jadual 7).

Peningkatan ini disebabkan oleh ramainya imigran dari luar datang ke Brunei. Kedatangan beramai-ramai imigran ini disebabkan beberapa faktor penting. Antaranya keperluan yang tinggi terhadap tenaga buruh bagi memulihkan telaga-telaga minyak dan bagi mempercepatkan kerja-kerja pembinaan semula negeri yang musnah akibat peperangan.<sup>26</sup> Pada zaman Pentadbiran Residen British II ini juga, peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi semakin bertambah setelah ekonomi Brunei meningkat dengan pesatnya terutama sekali selepas tahun 1950.<sup>27</sup> Dengan kemajuan ekonomi ini, jumlah pekerja asing yang berdaftar juga semakin meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah pekerja asing telah meningkat menjadi 1,475 orang pada tahun 1948 daripada 753 orang pada tahun 1946. Selepas dari tahun 1948, jumlah pekerja asing sentiasa dalam angka ribu. Jumlah tertinggi pekerja asing di Brunei dalam tempoh ini dicatatkan pada tahun 1954 dengan

**Jadual 6: Bilangan Penduduk Aktif Dalam Pekerjaan Berdasarkan Banci Penduduk 1921 dan 1931**

Industri	1921		1931	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Perikanan	989	8.2	936	6.7
Pertanian	8,233	68.0	8,289	59.5
Perlombongan dan Kuari	106	0.9	58	0.4
Pembuatan (Manufacture)	1,169	9.7	1,539	11.0
Pengangkutan dan Perhubungan	106	0.9	233	1.7
Perdagangan	888	7.3	688	4.9
Pentadbiran dan Profesional	140	1.2	215	1.5
Perkhidmatan Personal	174	1.4	516	3.7
Lain-Lain	307	2.5	1,465	10.5
Jumlah Keseluruhan	12,112	100.0	13,939	100.0

Sumber: J. E. Nathan. *The Census of British Malaya 1921*. hlm. 260-265 dan C. A. Vlieland. *British Malaya: A Report on The 1931 Census and Certain Problems of Vital Statistics*. hlm. 305-308.

**Jadual 7: Bilangan Penduduk Brunei Mengikut Tahun Banci 1931, 1947 dan 1960**

Kaum/ Tahun	1931	%	1947	%	1960	%
Melayu dan Puak Asli Lain	26,972	88.8	31,161	76.6	59,203	70.6
Cina	2,683	8.9	8,300	20.4	21,795	26.0
India*	377	1.3	454	1.1	2,879	3.4
Lain-Lain	103	1.1	742	1.8		
Jumlah	30,135	100	40,657	100	83,877	100

Sumber: C. A. Vlieland. *British Malaya: A Report on The 1931 Census and Certain Problems of Vital Statistics*. hlm. 126. *Brunei Statistical Year Book 1979/1980* dan 2002.

Nota: \* Dalam Tahun 1960 "India" telah dimasukkan ke dalam "Lain-Lain"

jumlah 4,492 orang<sup>28</sup> (lihat Jadual 8). Selain itu, keadaan aman damai tanpa kekacauan dan tersedianya banyak kemudahan sosial di Brunei juga dapat menarik imigran untuk datang ke Brunei.<sup>29</sup>

Jika dilihat dari peratusan penduduk Brunei yang aktif dalam pekerjaan pula, didapati 45.1 peratus tergolong dalam kumpulan penduduk aktif dalam pekerjaan pada banci penduduk tahun 1947. Peratusan ini semakin jauh menurun menjadi 29.6 peratus pada banci penduduk tahun 1960. Peratusan ini berkurangan disebabkan data banci penduduk tahun 1947 bagi penduduk yang terlibat dalam ekonomi telah memasukkan kira-kira 5,500 orang yang berumur 15 tahun ke bawah. Manakala pada banci penduduk tahun 1960 pula, hanya mencatatkan penduduk yang berumur 15 tahun ke atas. Peratusan penduduk aktif dalam pekerjaan bagi tahun 1947, hanya mencatatkan 34.8 peratus jika diambil kira penduduk yang berumur 15 tahun ke atas sahaja<sup>30</sup> (lihat Jadual 9 dan Jadual 10).

Daripada jumlah penduduk yang berumur 15 tahun ke atas yang aktif dalam pekerjaan, sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam sektor pertanian, iaitu 38.2 peratus (5,407 orang) pada tahun 1947 dan 19.0 peratus (4,722 orang) pada

**Jadual 8: Jumlah Pekerja Asing Yang Berkhidmat Di Brunei Tahun 1946-1959**

Pekerja Tahun	Cina	India	Jawa	Iban/Dayak	Eurasians	Europeans	Lain-lain	Jumlah
1946	0,519	180	44	–	10	–	–	753
1947	t.d	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1948	1,146	218	89	–	22	–	–	1,475
1949	1,365	330	106	910	15	–	–	2,726
1950	1,273	377	90	770	11	–	–	2,521
1951	1,031	388	70	404	15	–	–	1,908
1952	1,524	522	71	489	–	978	15	3,599
1953	1,695	713	51	718	–	1,182	12	4,371
1954	1,824	744	50	573	–	1,277	24	4,492
1955	1,498	677	55	487	–	1,308	12	4,037
1956	1,349	642	55	437	–	1,327	18	3,828
1957	1,150	490	62	245	–	1,345	14	3,306
1958	929	316	62	156	–	1,179	7	2,649
1959	837	219	51	147	–	1,169	7	2,430

Sumber: Noralipah Binti Mohamed. 2000/2001. Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja Filipina. Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam. hlm. 23.

Nota: t.d. – tiada data

**Jadual 9: Bilangan Penduduk Aktif Dalam Pekerjaan Berdasarkan Banci Penduduk 1947 dan 1960**

Industri	1947		1960	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perikanan	999	5.4	708	2.9
Pertanian	8,524	46.5	4,722	19.0
Penghasilan dan Pemprosesan Getah	989	5.4	2,288	9.2
Penghasilan Kayu Balak	397	2.2	225	0.9
Penghasilan Minyak	2,285	12.5	3,558	14.3
Bangunan, Pembinaan	899	4.9	3,388	13.6
Perdagangan	950	5.2	1,941	7.8
Pembuatan (Manufacturing)	826	4.5	1,419	5.7
Perkhidmatan Personel dan Hiburan	943	5.1	1,390	5.6
Perkhidmatan Komuniti	086	0.5	1,375	5.5
Pengangkutan dan Perhubungan	290	1.6	982	4.0
Lain-Lain Industri	1,155	6.3	2,834	11.4
Jumlah	18,343	100	24,830	100

Sumber: Disusun sendiri oleh penyelidik daripada L. W. Jones. *Brunei: Report on the Census of Population Taken on 10th August 1960*. Kuching: F. W. Goodwin, O. B. E., Government Printer. hlm. 73 & 162.

**Jadual 10: Bilangan Penduduk Yang Berumur 15 Tahun Ke Atas Aktif Dalam Pekerjaan Berdasarkan Banci Penduduk 1960**

Industri	1947		1960	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perikanan	634	4.5	708	2.9
Pertanian	5,407	38.2	4,722	19.0
Penghasilan dan Pemprosesan Getah	629	4.4	2,288	9.2
Penghasilan Kayu Balak	397	2.8	225	0.9
Penghasilan Minyak	2,285	16.1	3,558	14.3
Bangunan, Pembinaan	899	6.4	3,388	13.7
Perdagangan	602	4.3	1,941	7.8
Pembuatan (Manufacturing)	826	5.8	1,419	5.7
Perkhidmatan Personel dan Hiburan	943	6.7	1,390	5.6
Perkhidmatan Komuniti	86	0.6	1,375	5.5
Pengangkutan dan Perhubungan	290	2.0	982	4.0
Lain-Lain Industri	1,155	8.2	2,834	11.4
Jumlah	14,153	100	24,830	100

Sumber: L. W. Jones. *Brunei: Report on the Census of Population Taken on 10th August 1960*. Kuching: F. W. Goodwin, O. B. E., Government Printer. hlm. 73

tahun 1960. Penduduk yang terlibat dalam aktiviti perikanan hanya 4.5 peratus sahaja (634 orang) pada tahun 1947 dan 2.9 peratus (708 orang) pada tahun 1960 (lihat Jadual 10). Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa secara bandingan, penduduk yang terlibat dalam perusahaan perikanan adalah sedikit.

Dengan pertambahan penduduk yang pesat dan sedikitnya jumlah penduduk yang terlibat dalam perusahaan perikanan pada tempoh 1906-1959, telah memberi kesan kepada perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Pertambahan penduduk dengan sendirinya meningkatkan permintaan sumber pemakanan termasuk sumber perikanan sebagai salah satu sumber protein termurah di pasaran. Untuk menampung permintaan sumber perikanan ini, peningkatan hasil pendaratan perlu diusahakan. Keadaan ini telah mendorong pihak pemerintah dengan kerjasama golongan pemodal untuk meningkatkan perkembangan perusahaan perikanan terutama dari segi penggunaan peralatan menangkap ikan yang lebih moden dan efisien bagi meningkatkan jumlah pendaratan sumber perikanan serta untuk mengimbangi sedikitnya jumlah penduduk yang melibatkan diri dalam perusahaan ini.

## **Perusahaan Perikanan Semasa Pentadbiran Residen British I**

Dasar pembangunan ekonomi Pentadbiran Residen British I yang lebih menumpukan kepada sumber-sumber daratan, telah menyebabkan perusahaan perikanan tidak mendapat tempat dalam pembangunan ekonomi pada zaman itu. Perusahaan perikanan hanya sebagai sektor sampingan dan penyokong yang berperanan sebagai pembekal sumber protein kepada penduduk tempatan dan buruh asing yang terlibat dalam sektor pertanian dan perlombongan sahaja.



Pada zaman itu perusahaan perikanan dianggap sebagai satu perusahaan yang kurang penting kerana ia tidak mempunyai nilai dalam ekonomi antarabangsa. Oleh yang demikian, Pentadbiran Residen British I tidak memberi sebarang bantuan atau galakan dalam pembangunan dan perkembangan perusahaan tersebut. Mereka juga tidak membuat sebarang pelaburan ataupun mengeluarkan perbelanjaan bagi memajukan perusahaan ini dan hanya membiarkannya berkembang dengan sendirinya sahaja.

Walaupun Pentadbiran Residen British I tidak memberikan perhatian sepenuhnya kepada pembangunan dan perkembangan perusahaan ini, namun demikian mereka tidak juga menyekat mana-mana pihak yang ingin mengembangkan perusahaan ini. Pentadbiran Residen British I hanya terlibat dalam soal-soal yang berkaitan dengan dasar dan polisi perusahaan perikanan melalui penggubalan *Enactment No. IX of 1920 The Lights and Small Shipping Enactment, 1920*. Melalui enakmen ini beberapa dasar dan peraturan mengenai perusahaan perikanan telah dikuatkuasakan. Antaranya setiap bot perikanan kecuali untuk kegunaan sendiri hendaklah dilesenkan. Bayaran lesen bagi sebuah bot perikanan ialah sebanyak 25 sen setahun. Melalui enakmen ini juga, Residen telah diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen kebenaran menangkap ikan dan menentukan had kawasan, jenis peralatan dan metode menangkap ikan. Penentuan bayaran bagi lesen-lesen berkenaan adalah atas kuasa Residen dari semasa ke semasa.<sup>31</sup> Adanya enakmen ini telah membuka peluang kepada para pemodal Cina untuk menguasai perusahaan perikanan melalui pembayaran lesen-lesen perikanan. Keadaan ini disebabkan ekonomi para nelayan tempatan yang sangat rendah dan tidak mampu untuk membayar lesen-lesen yang telah dikuatkuasakan.

Walaupun ada beberapa enakmen telah dikuatkuasakan dan juga campur tangan para pemodal Cina dalam perusahaan ini, namun demikian aktiviti penangkapan ikan masih terhad dilakukan di sungai-sungai dan perairan dekat pantai yang terlindung kerana kebanyakan nelayan ketika itu hanya memiliki perahu kecil dan menggunakan pengayuh (dayung) dan layar sebagai alat utama untuk pergi ke tempat menangkap ikan. Antara perahu yang digunakan pada waktu itu ialah jumpong (*dugout*), gubang (*dugout canoe with built up topsite*), bidar (*carvel built canoe*), pekarangan/bagong (*carvel*), dan pemukatan (*racing*). Selain itu para nelayan juga menggunakan perahu layar (*sailing craft*) kecil yang dibuat daripada lebihan-lebihan atau sisa-sisa pakaian yang berwarna-warni. Layar yang digunakan terbahagi kepada dua iaitu layar turun dan layar tumbang.<sup>32</sup> Peralatan menangkap ikan yang digunakan juga, kebanyakannya diperbuat daripada bahan-bahan yang mudah diperolehi dari kawasan persekitaran sahaja.<sup>33</sup>

Manakala dari segi teknologi menangkap ikan yang digunakan pada ketika itu secara relatifnya adalah pada tahap yang rendah dan mudah dikendalikan. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga manusia. Justeru itu, tenaga manusia yang ramai memainkan peranan penting dalam meningkatkan sumber perikanan. Implikasi jelas dari peningkatan permintaan sumber perikanan akan mendorong kepada pertambahan tenaga manusia yang terlibat dalam aktiviti perikanan.

Bahan-bahan yang digunakan untuk membina teknologi menangkap ikan diperolehi secara mudah dan percuma dari kawasan persekitaran berhampiran dengan tempat nelayan tinggal. Antara bahan-bahan yang paling banyak dimanfaatkan ialah buluh, akar lamiding, ranting pokok, kayu, dan sisa-sisa barang terpakai seperti besi-besi buruk dan jejari roda basikal. Selain itu, terdapat juga

bahan-bahan import dari luar negara iaitu benang yang dijual di kedai-kedai untuk membuat teknologi menangkap ikan seperti rambat dan tugu.

Teknologi menangkap ikan pada zaman ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, teknologi yang mudah dan dibuat secara individu seperti kail, sagang, jaul, ambur, tampuling dan sangkap. Kedua, teknologi yang lebih kompleks dan memerlukan tenaga yang ramai untuk membuatnya seperti lintau, kelong, kabatan, dan tugu. Teknologi yang mudah terbatas penggunaannya di kawasan-kawasan berhampiran seperti tebing-tebing sungai dan perairan dekat pantai. Manakala teknologi yang kompleks pula boleh digunakan di kawasan-kawasan perairan yang lebih dalam dan agak jauh dari pantai.

Dalam soal pemasaran hasil tangkapan yang didaratkan semasa tempoh ini memperlihatkan penguasaan golongan pemodal Cina. Golongan pemodal Cina membeli hasil-hasil tangkapan yang didaratkan oleh para nelayan untuk dikeringkan. Keadaan ini disebabkan permintaan ikan dan udang kering yang semakin meningkat ketika itu untuk keperluan tenaga-tenaga buruh yang didatangkan ke Brunei mahupun untuk tujuan eksport ke luar negeri.

Untuk memenuhi permintaan ikan dan udang kering, satu perusahaan udang kering telah dimulakan di Pulau Berbunot pada tahun 1918.<sup>34</sup> Pembiayaan kewangan perusahaan ini dikuasai oleh para pemodal Cina. Golongan inilah yang bertanggungjawab dalam urusan pengeringan, pemasaran domestik dan eksport. Untuk memajukan perusahaan ini, golongan pemodal juga telah memberikan pekerjaan kepada penduduk tempatan untuk menjadi nelayan supaya bekalan udang dan ikan segar dapat diperoleh dari semasa ke semasa.<sup>35</sup> Ini menunjukkan penduduk tempatan hanya sebagai pembekal ikan dan udang segar sahaja.

Perusahaan udang dan ikan kering telah dapat memenuhi permintaan sumber perikanan ketika itu, malahan hasil daripada perusahaan ini juga dapat dieksport ke luar negeri terutama ke Singapura.<sup>36</sup> Pada tahun permulaan perusahaan ini dijalankan, udang kering telah berjaya dieksport dengan nilai sebanyak \$647. Dua tahun berturut-turut selepas kejayaan pengeksportan udang kering tersebut, nilai eksport udang kering telah meningkat dengan drastiknya. Pada tahun 1919 nilai eksport telah meningkat sehingga \$58,249 iaitu peningkatan sebanyak 8,902.9 peratus daripada nilai eksport tahun sebelumnya. Manakala tahun berikutnya, nilai eksport udang kering telah mencapai kemuncaknya di sepanjang tempoh ini, apabila menyumbang sebanyak \$61,566 iaitu peningkatan sebanyak 9,415.6 peratus daripada eksport pertama. Namun demikian selepas dari tahun tersebut, kuantiti dan nilai eksport udang kering tidak konsisten, ia sering mengalami keadaan turun naik dari setahun ke setahun. Kuantiti dan nilai eksport udang kering ini semakin mengalami kemerosotan pada lapan tahun terakhir tempoh ini, apabila kuantiti udang kering yang dieksport tidak pernah mencapai 600 pikul dan nilai eksport tidak melebihi dari \$20,000 (lihat Jadual 11).

Selain daripada pengeksportan udang kering, ikan kering juga telah berjaya dieksport pada tahun 1927 sebanyak 67 pikul bernilai \$1,584. Akan tetapi perusahaan ini telah mengalami kemerosotan dan mengalami keadaan turun naik selepas itu kecuali pada tahun 1929 apabila nilai eksport mencapai kemuncaknya sebanyak \$4,403. Walau bagaimanapun, pengeksportan ikan kering tidak berjaya dipertahankan sehingga ke penghujung tempoh ini, apabila ikan kering tidak lagi dieksport pada tahun 1938 (lihat Jadual 11).

Untuk mengimbangi keadaan eksport udang dan ikan kering yang tidak konsisten tersebut, satu perusahaan uras udang (*prawn refuse*) untuk dijadikan baja

telah cuba dilaksanakan. Percubaan ini telah mendatangkan kejayaan apabila pada tahun 1929, sebanyak 199 beg uras udang dengan nilai \$1,144 telah berjaya dieksport. Akan tetapi perusahaan ini telah mengalami kemerosotan terus menerus dari setahun ke setahun dan hanya berjaya bertahan sehingga tahun 1935. Pada tahun 1936 perusahaan ini tidak dapat menghasilkan eksport lagi hinggalah ke akhir tempoh ini (lihat Jadual 11).

## **Perusahaan Perikanan Semasa Pendudukan Jepun**

Perusahaan perikanan semasa pemerintahan tentera Jepun telah mengalami kemunduran akibat daripada dasar pentadbiran Jepun yang lebih menitikberatkan

**Jadual 11: Nilai Eksport Komoditi Utama Sektor Perikanan 1918-1941**

Tahun	Udang Kering		Uras Udang (Prawn Refuse)		Ikan Kering	
	Kuantiti (Pikul)	Nilai (\$)	Kuantiti (Beg)	Nilai (\$)	Kuantiti (Pikul)	Nilai (\$)
1918	t.d.	647	–	–	–	–
1919	t.d.	58,249	–	–	–	–
1920	t.d.	61,566	–	–	–	–
1921	1,069	47,464	–	–	–	–
1922	1,027	44,974	–	–	–	–
1923	735	35,390	–	–	–	–
1924	882	43,161	–	–	–	–
1925	768	38,557	–	–	–	–
1926	1,020	52,763	–	–	67	1,584
1927	980	54,179	–	–	34	492
1928	891	48,153	–	–	39	465
1929	2,077	54,376	199	1,144	101	4,403
1930	1,087	53,553	127	793	105	1,198
1931	951	46,657	225	837	113	1,080
1932	1,070	46,114	243	719	112	927
1933	940	31,306	29	35	94	1,190
1934	359	12,482	–	–	14	128
1935	475	15,652	10	42	170	1,571
1936	579	19,240	–	–	61	497
1937	261	9,037	–	–	54	688
1938	335	10,921	–	–	12	177
1939	521	15,491	–	–	–	–
1940	305	11,069	–	–	–	–
1941	343	14,683	–	–	–	–

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: t.d. – tiada data.

soal-soal ketenteraan dan keselamatan sahaja. Pihak Jepun hanya menumpukan perhatian terhadap hasil-hasil tangkapan yang didaratkan bagi keperluan protein tentera Jepun sahaja. Mereka telah mengawal dan menguasai hasil-hasil tangkapan dengan memastikan ia dijual atau diserahkan kepada mereka. Mereka mengenakan harga murah kepada para nelayan atau menukarnya dengan beras. Beberapa orang pegawai Jepun telah dilantik bagi mengawal aktiviti perikanan seperti Takamura yang mengawal di kawasan Muara dan Nagatakutai di kawasan Bandar Brunei. Selain itu, beberapa orang anak tempatan juga ditugaskan bagi mengawal aktiviti perikanan bagi mengelakkan hasil tangkapan dijual atau diserahkan ke tempat lain.<sup>37</sup>

Dasar anti Cina di kalangan tentera Jepun telah menyebabkan golongan pemodal Cina yang sebelum ini banyak menyumbang kepada pembangunan perusahaan perikanan telah melarikan diri ke kawasan pedalaman kerana takut akan kezaliman tentera Jepun. Dengan ketiadaan golongan pemodal, telah memburukkan lagi perkembangan perusahaan perikanan. Teknologi menangkap ikan yang digunakan oleh para nelayan hanya bergantung pada saki baki peralatan perikanan yang sedia ada semenjak dari zaman sebelum Pendudukan Jepun lagi. Peralatan perikanan tidak dapat bertahan lama kerana alat ganti dari kilang tidak dapat diperolehi ketika itu. Oleh itu, teknologi menangkap ikan yang berasaskan barangan kilang tidak dapat digunakan lagi. Hanya peralatan yang berasaskan bahan-bahan semula jadi daripada alam sekitar dan juga saki baki barangan terpakai sahaja boleh bertahan.

Perusahaan perikanan semakin bertambah teruk lagi pada peringkat akhir Pendudukan Jepun di Brunei (1944-1945), disebabkan oleh beberapa serangan yang telah dilancarkan oleh Tentera Bersekutu untuk menawan semula Brunei dari Pendudukan Jepun.<sup>38</sup> Aktiviti menangkap ikan ketika itu hanya dijalankan oleh sebilangan kecil nelayan sahaja pada waktu malam secara sembunyi-sembunyi untuk memenuhi keperluan makanan mereka. Kawasan tempat menjalankan aktiviti perikanan terhad di kawasan yang berdekatan pantai sahaja kerana Teluk Brunei yang menjadi kawasan utama kegiatan menangkap ikan telah dijadikan pangkalan utama angkatan tentera laut Jepun.<sup>39</sup> Teknologi menangkap ikan yang digunakan terdiri daripada peralatan yang mudah alih serta mudah digunakan. Peralatan perikanan yang tidak mudah alih, tidak dapat digunakan lagi kerana kapal-kapal perang Tentera Bersekutu telah mengebom peralatan tersebut. Selain itu, penggunaan perahu untuk operasi menangkap ikan di kawasan luar pantai juga tidak dapat dijalankan kerana takut terkena bom kapal-kapal perang Tentera Bersekutu. Kapal-kapal Tentera Bersekutu telah mengebom apa sahaja benda yang terdapat atau terapung di atas air, sehingga apung<sup>40</sup> yang hanyut di permukaan air pun dibom.<sup>41</sup>

## **Perusahaan Perikanan Semasa Pentadbiran Residen British II**

Selepas kembalinya Pentadbiran Residen British dan penyatuan pentadbiran antara Brunei dan Sarawak pada tahun 1948, perusahaan perikanan di Brunei telah mengalami banyak perubahan. Perubahan telah berlaku sama ada dari segi pengurusan pentadbiran, peraturan yang dilaksanakan dan teknologi yang digunakan. Dari segi pengurusan pentadbiran, usaha pertama yang dilakukan ialah penubuhan sebuah Jabatan Perikanan gabungan antara Brunei dan Sarawak pada

awal tahun 1949 di bawah pengendalian Mr. E. H. Weigall yang dilantik menjadi Pegawai Perikanan pada 1 April 1949.<sup>42</sup> Kejayaan menubuhkan jabatan ini adalah atas nasihat Dr. C.F. Hickling, Penasihat Perikanan bagi Setiausaha Tanah Jajahan, sewaktu beliau melawat Brunei pada Jun 1946 dan juga cadangan daripada Pegawai Perikanan Sarawak Mr. E. Bank agar menyatukan kedua-dua Jabatan Perikanan Brunei dan Sarawak.<sup>43</sup>

Selepas tertubuhnya Jabatan Perikanan gabungan ini, sebuah kapal penangkap ikan *Motor Fishing Vessel* dari England telah dihantar ke Brunei untuk membuat penyelidikan tentang sumber perikanan di pesisiran pantai Kuala Belait dan Sarawak.<sup>44</sup> Menjelang awal Januari 1950, Jabatan Perikanan telah dipindahkan dari Kuala Belait ke Bandar Brunei dengan melantik Mr. J.K. Corrigan sebagai Ketua Perikanan yang baru.<sup>45</sup> Langkah awal yang dijalankan oleh Ketua Perikanan yang baru ini ialah membuat penyelidikan tentang sumber perikanan di kawasan perairan Teluk Brunei dan di kawasan-kawasan batu karang. Selain itu, beliau juga telah membuat penyelidikan tentang perkembangan aktiviti penangkapan ikan di Brunei. Hasil daripada penyelidikan tersebut, menunjukkan bahawa nelayan-nelayan Brunei ketika itu hanya menggunakan teknologi menangkap ikan tradisi sahaja. Teknologi menangkap ikan tradisi ini hanya sesuai digunakan di kawasan air yang cetek sahaja.<sup>46</sup>

Selain itu, kepesatan perkembangan dan pembangunan ekonomi daratan ketika itu juga telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Kepesatan perkembangan ekonomi ini telah menyebabkan meningkatnya penduduk Brunei akibat daripada ramainya orang asing datang ke Brunei untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan. Peningkatan penduduk Brunei ini sekali gus menyebabkan jumlah permintaan ikan sebagai salah satu sumber protein utama juga meningkat. Ini menyebabkan teknologi menangkap ikan secara tradisi yang digunakan ketika itu tidak lagi dapat menampung permintaan ikan yang semakin bertambah.

Menyedari akan keadaan ini, Pentadbiran Residen British II telah melaksanakan beberapa langkah bagi memaju serta membangunkan lagi perusahaan perikanan di Brunei. Antara langkah penting yang diambil ialah usaha melesenkan peralatan menangkap ikan dan perahu serta merekodkan hasil tangkapan yang bermula pada tahun 1950. Sebanyak 789 buah peralatan menangkap ikan telah berjaya dilesenkan pada tahun 1950 (lihat Jadual 12). Jadual 12 menunjukkan tahun 1957 telah mencatatkan bilangan tertinggi peralatan yang berjaya dilesenkan iaitu sebanyak 2,662 buah. Manakala jumlah perahu yang berjaya dilesenkan pada tahun 1950 ialah sebanyak 224 buah. Jumlah ini terus meningkat dengan drastiknya pada tahun berikutnya menjadi 692 buah. Akan tetapi selepas tahun tersebut, jumlah perahu yang berjaya dilesenkan tidak pernah melebihi 300 buah (lihat Jadual 13).

Usaha untuk merekodkan hasil tangkapan pula dilaksanakan dengan mencatatkan jumlah ikan-ikan dan udang-udang hidup yang terdapat di pasar-pasar seluruh Brunei. Sejumlah 1,635.49 pikul ikan dan 516.00 pikul udang telah berjaya direkodkan pada tahun 1950. Hasil tangkapan sentiasa meningkat dari tahun sebelumnya kecuali pada tahun 1953 dan 1957<sup>47</sup> (lihat Jadual 14).

Menjelang tahun 1952, perusahaan perikanan semakin berkembang apabila beberapa teknologi menangkap ikan telah dimodenkan dengan menggunakan bahan-bahan binaan keluaran kilang yang diimport dari luar negeri. Antara bahan-bahan yang diimport ialah dawai mata punai, tali dan benang nilon, mata kail dan

**Jadual 12: Bilangan Teknologi Menangkap Ikan Yang Dilesenkan 1950-1959**

Teknologi Menangkap Ikan	1950	1951	1952	1953	1954	1955	1956	1957	1958	1959
Ancau	t.d.	t.d.	t.d.	0	3	4	4	5	5	3
Bubu	9	330	123	55	265	757	1,820	1,800	1,128	486
Gurit /Long Line/Rawai	0	1	19	10	1	1	1	1	1	t.d
Kabat	7	16	13	24	25	30	27	17	20	18
Kilong	102	46	11	107	31	27	26	21	30	21
Lintau	11	120	90	58	118	102	132	141	70	117
Paguyot	12	18	10	3	4	19	8	7	5	6
Panau	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	0	5	0
Pancing (Fishing Road)	t.d.	t.d.	t.d.	0	0	0	4	3	0	2
Penakat/Jaul	0	35	14	40	32	0	0	0	1	t.d.
Pukat	21	29	8	24	17	21	18	18	13	13
Rambat	0	21	0	7	8	10	8	0	0	t.d.
Rantau	43	23	19	14	3	19	19	14	16	12
Selambau	14	11	13	3	18	16	15	21	17	10
Tabeh	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	20	19	17
Tambak	5	42	21	10	20	24	20	7	4	3
Tugu	565	567	t.d.	t.d.	t.d.	684	437	587	724	566
JUMLAH	789	1,259	341	355	545	1,714	2,102	2,662	1,334	1,274

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: t.d. – tiada data

**Jadual 13: Jumlah Perahu/Bot Nelayan Yang Dilesenkan 1950-1959**

Tahun	Jumlah
1950	224
1951	692
1952	239
1953	285
1954	210
1955	272
1956	261
1957	239
1958	267
1959	226

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).



**Jadual 14: Jumlah Ikan dan Udang Hidup Yang Terdapat Di Pasar Seluruh Negeri 1950-1959**

Tahun	Kuantiti Pikul			Peratus Pertumbuhan
	Ikan	Udang	Jumlah	
1950	1,635.49	516.00	2,151.49	-
1951	t.d.	t.d.	t.d.	-
1952	10,862.20		10,862.20	404.9*
1953	2,264.45	589.38	2,853.83	-73.7
1954	3,429.99	921.45	4,351.44	52.5
1955	9,115.38	1,008.80	10,124.18	132.7
1956	19,995.00	2,140.00	22,135.00	118.6
1957	11,961.74	2,724.03	14,685.77	-33.7
1958	27,611.87	3,205.52	30,817.39	109.8
1959	40,329.77	4,742.08	45,071.85	46.3

Sumber: *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).

Nota: t.d.- tiada data.

: \* Peratus pertumbuhan dibandingkan dengan tahun 1950.

pelampung dari plastik bagi menggantikan penggunaan buluh dan tali dari kapas.<sup>48</sup> Selain itu, penggunaan *pengayuh* dan layar juga telah digantikan dengan penggunaan enjin yang diimport dari Amerika Syarikat berjenama *Penta*,<sup>49</sup> *Seagull*,<sup>50</sup> *Evinrude* dan *Johnson*. Kekuatan kuasa enjin ini didatangkan secara beransur-ansur bermula daripada tiga kuasa kuda hingga ke 20 kuasa kuda.<sup>51</sup> Dengan adanya enjin ini juga banyak kawasan baru yang lebih jauh dari pantai dapat dieksploitasi dan hasil tangkapan semakin bertambah. Selain itu, hasil tangkapan dapat dihantar dengan cepat untuk dipasarkan berbanding dengan menggunakan *pengayuh* dan layar dahulu. Proses penghantaran ikan ke Bandar Brunei yang sebelum ini menggunakan kenderaan darat dari Pekan Muara, telah dapat dihantar terus dengan menggunakan bot berenjin sangkut.<sup>52</sup> Penggunaan enjin dalam aktiviti menangkap ikan sangat menggalakkan apabila kesemua nelayan telah menggunakannya pada tahun 1956, kecuali nelayan yang menangkap ikan untuk kegunaan keluarga sahaja masih menggunakan *pengayuh*.<sup>53</sup>

Dengan adanya bahan-bahan import dan penggunaan enjin telah memberi peluang sekali lagi kepada pemodal-pemodal Cina untuk mengawal industri perikanan dan mengaut keuntungan daripadanya. Keadaan ini terjadi disebabkan Pentadbiran Residen British II hanya bertanggungjawab dalam mempromosi dan memperkenalkan teknologi moden tersebut. Manakala dalam urusan pembekalannya pula dikuasai oleh golongan pemodal. Ditambah lagi dengan sumber kewangan para nelayan selepas Pendudukan Jepun yang sangat terhad, maka untuk mendapatkan bahan-bahan binaan baru dan juga enjin, para nelayan telah berhutang kepada golongan pemodal Cina melalui 'sistem tauke'.<sup>54</sup> Melalui sistem ini, golongan pemodal Cina bertanggungjawab membiayai dan membekalkan keperluan untuk menangkap ikan seperti peralatan menangkap ikan, bot dan enjin, malahan mereka juga akan membekalkan makanan harian kepada para nelayan. Sistem ini dilaksanakan melalui kontrak secara lisan tanpa surat

perjanjian yang menghendaki para nelayan untuk menjualkan segala hasil tangkapan yang didaratkan kepada golongan pemodal Cina.<sup>55</sup> Dengan adanya sistem ini, segala urusan pemasaran ikan di bawah kawalan golongan pemodal Cina yang menjadi orang tengah, manakala para nelayan hanyalah sebagai penangkap dan pembekal ikan sahaja. Golongan pemodal Cina telah mengaut keuntungan yang tinggi melalui sistem ini.

Walaupun Pentadbiran Residen British II telah memperkenalkan bantuan pinjaman kewangan secara beransur-ansur tanpa faedah kepada para nelayan untuk membeli alat-alat menangkap ikan termasuk enjin dan perahu bagi mengelak mereka ditindas oleh orang tengah (pemodal Cina).<sup>56</sup> Akan tetapi bantuan ini kurang mendapat sambutan daripada para nelayan. Para nelayan lebih suka menggunakan 'sistem tauke'<sup>57</sup> kerana bantuan yang diperkenalkan ini amat sukar untuk mendapat kelulusan kecuali jika para nelayan memiliki barang-barang seperti tanah sebagai cagar. Hanya sebilangan kecil nelayan yang mempunyai barang-barang untuk dicagarkan dapat menggunakan bantuan ini.

Satu lagi perkembangan dalam perusahaan perikanan ialah penggunaan ais untuk menyimpan ikan. Penggunaan ais dalam perusahaan ini bermula apabila permohonan seorang peniaga Cina untuk menggunakan sebuah alat untuk menghasilkan ais diluluskan pada penghujung tahun 1953.<sup>58</sup> Walaupun alat ini bersaiz kecil sahaja dan hanya boleh menghasilkan ais lebih kurang 600 paun sehari, namun demikian ia telah memberi satu perkembangan dalam proses penyimpanan ikan. Diikuti selepas itu, pada tahun 1954 sebuah syarikat air batu yang bernama *Brunei Ice and Aerated Water Company Limited*<sup>59</sup> telah beroperasi di Bandar Brunei. Kedai ini terletak bersebelahan dengan pasar ikan di Bandar Brunei.<sup>60</sup> Dengan letaknya bersebelahan dengan pasar ini telah memudahkan para peniaga ikan untuk mendapatkan bekalan ais untuk kegunaan penyimpanan ikan. Tahun-tahun berikutnya, penggunaan ais dalam perusahaan perikanan semakin meluas apabila para nelayan menggunakannya untuk menyimpan ikan semasa mereka menangkap ikan. Selain itu, dengan adanya ais ini juga permintaan ikan daripada orang ramai dapat dipenuhi setiap hari apabila ikan-ikan yang tidak habis dijual dapat dijual lagi pada keesokan harinya.<sup>61</sup>

Manakala dari segi pemasaran, Pentadbiran Residen British II telah membina sebuah pasar ikan baru di tengah-tengah Bandar Brunei pada tahun 1952.<sup>62</sup> Pembinaan ini dilakukan bagi memberi kemudahan kepada penjual-penjual ikan dan penduduk-penduduk Brunei untuk menjual dan membeli ikan. Selain itu, pembinaan pasar tersebut juga bertujuan bagi menggantikan bangku-bangku sementara menjual ikan di tebing-tebing sungai Brunei berhadapan dengan Kampong Ayer yang telah digunakan sebelum Pendudukan Jepun lagi.<sup>63</sup>

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pada tahun 1955, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan menerusi RKN pertama bagi melaksanakan rancangan memberi bantuan kepada nelayan. Dalam RKN pertama tersebut beberapa rancangan untuk membangun perusahaan perikanan telah diluluskan antaranya:

1. Penggunaan enjin dalam dari minyak diesel yang lebih murah dan tahan lama sehingga 10 hingga 15 tahun berbanding dengan enjin motor sangkut yang memerlukan perbelanjaan lebih tinggi dan hanya boleh digunakan dalam jangka masa satu atau dua tahun sahaja.

2. Mendatangkan tiga buah kapal beserta seorang Pegawai Perikanan Melayu dengan penolongnya dari Malaya untuk menunjukkan cara-cara menangkap ikan.
3. Mendatangkan enam orang Melayu dan enam orang Cina daripada Malaya untuk mengajar nelayan-nelayan Brunei cara-cara menggunakan peralatan menangkap ikan.
4. Menghantar nelayan-nelayan Brunei untuk berkursus dan mempelajari cara menangkap ikan, ilmu pelayaran (*navigation*), cara menggunakan dan membaiki enjin diesel dan sebagainya mengenai menangkap ikan.<sup>64</sup>

Daripada rancangan-rancangan ini, hanya dua rancangan iaitu rancangan untuk menghantar nelayan ke Malaya dan mendatangkan kapal menangkap ikan dari Malaya yang berjaya dilaksanakan. Empat orang nelayan dari Brunei telah dipilih untuk mengikuti kursus di Sekolah Nelayan Pulau Pinang pada 9 Julai 1956. Akan tetapi hanya tiga orang nelayan yang berjaya menamatkan kursus selama tiga bulan. Dalam kursus ini, para nelayan telah dibawa melawat Terengganu, Kelantan, Perak dan Kedah untuk melihat dan mempelajari cara-cara menangkap ikan di sana. Mereka telah melihat dan mempelajari kaedah menangkap ikan dengan menggunakan pukot tangkol, pukot tarik, pukot payang, pukot dalam, bubu, rawai umpan dan kelong. Ketiga-tiga nelayan ini telah kembali semula ke Brunei pada bulan November 1956, tetapi mereka tidak dapat mempraktikkan apa yang mereka pelajari disebabkan tiadanya kapal seperti yang terdapat di Malaya.<sup>65</sup>

Untuk membolehkan para nelayan mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari, dua buah kapal menangkap ikan<sup>66</sup> sebagai percubaan telah didatangkan ke Brunei dari Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1957. Kapal ini dilengkapi dengan enjin dalam dari minyak diesel dan kabin kecil yang boleh digunakan untuk menyimpan ikan dalam ais.<sup>67</sup> Akan tetapi, nelayan-nelayan Brunei tidak menerima atau tidak menyetujui penggunaan kapal-kapal ini kerana ia terlalu kecil untuk digunakan di perairan Brunei.<sup>68</sup> Selain itu, para nelayan lebih suka menggunakan bot berenjin sangkut kecil dengan menggunakan peralatan menangkap ikan tempatan walaupun ia lebih terdedah kepada bahaya ketika cuaca tidak baik.<sup>69</sup>

Selain daripada perkembangan di atas, Pentadbiran Residen British II juga telah melaksanakan satu penguatkuasaan dan peraturan yang tegas bagi memenuhi permintaan ikan yang semakin meningkat. Dalam penguatkuasaan tersebut setiap nelayan dikehendaki menjual segala hasil tangkapan di pasar ikan atau kepada pedagang-pedagang yang berlesen sahaja. Untuk memastikan penguatkuasaan ini dilaksanakan dengan berkesan beberapa rondaan dan pemeriksaan secara mengejut telah dilakukan di kawasan-kawasan menangkap ikan bagi mengelakkan penjualan ikan di tempat-tempat lain.<sup>70</sup> Sementara itu, satu undang-undang atau enakmen yang berkaitan perikanan di bawah "*The Sea Fishing and Kilongs Enactment, 1958*" telah digubal dan dikuatkuasakan pada tahun 1958. Enakmen ini telah memperuntukkan mengenai beberapa perkara tentang perikanan di Brunei. Antaranya kawalan terhadap kapal-kapal menangkap ikan dari luar negeri, kuasa bagi Pegawai Perikanan, peraturan-peraturan penangkapan ikan dan juga pelesenan alat-alat menangkap ikan.<sup>71</sup>

Dengan adanya berbagai-bagai usaha yang telah dijalankan oleh pihak pemerintah dan dengan bantuan golongan pemodal, jumlah hasil tangkapan yang didaratkan pada zaman itu telah meningkat dengan drastiknya daripada 2,151.49

pikul pada tahun 1950 kepada 45,071.85 pikul pada tahun 1959, iaitu peningkatan pada kadar purata 35.6 peratus setahun. Akan tetapi hasil tangkapan ini hanya dapat memenuhi pasaran tempatan sahaja<sup>72</sup> (lihat Jadual 14).

Walaupun perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II ini dapat ditingkatkan, namun demikian ia tidak berjaya untuk meninggikan taraf hidup para nelayan dalam erti kata yang sebenar. Keadaan ini kerana para nelayan masih bergantung kepada pemodal-pemodal Cina untuk mendapatkan peralatan menangkap ikan, perahu dan enjin, bekalan minyak dan ais. Selain itu, hasil tangkapan yang didaratkan oleh para nelayan masih dipasarkan melalui saluran para peniaga Cina yang menguasai pemasaran ikan.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan penjelasan di atas, memperlihatkan perkembangan perusahaan perikanan di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh 1906 hingga 1959 banyak dipengaruhi oleh corak pemerintahan, perkembangan ekonomi dan pertumbuhan penduduk pada tiga zaman yang terdapat dalam tempoh ini.

Pada zaman Pentadbiran Residen British I, perusahaan perikanan tetap tidak berubah seperti zaman tradisi sebelumnya. Keadaan ini adalah disebabkan oleh dasar pemerintahan yang lebih mengutamakan kepada pembangunan sumber-sumber ekonomi daratan. Perusahaan perikanan hanya dianggap sebagai perusahaan sampingan sahaja kerana tiada sebarang galakan, bantuan dan pelaburan diberikan dalam pembangunan perusahaan ini. Justeru itu, ia telah memberi peluang kepada golongan pemodal Cina bertapak untuk menguasai perusahaan ini. Penguasaan mereka berlaku pada semua peringkat daripada pengeluaran, pemerosesan hingga pemasaran bagi memenuhi permintaan tinggi ikan dan udang kering untuk tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi daratan.

Perusahaan perikanan telah mengalami kemunduran semasa zaman pendudukan Jepun. Perkara ini adalah disebabkan oleh dasar pemerintahan Jepun yang lebih mengutamakan kepada sumber ekonomi yang boleh dimanfaatkan untuk peperangan sahaja seperti pertanian dan penghasilan minyak. Perusahaan perikanan pada ketika itu hanyalah untuk kepentingan sumber protein tentera Jepun sahaja. Oleh itu, pihak Jepun telah mengawal segala aktiviti pendaratan sumber perikanan agar tidak dijual atau diserahkan kepada pihak lain. Perusahaan ini semakin bertambah teruk lagi apabila golongan pemodal Cina yang menguasai perusahaan perikanan pada zaman sebelum ini telah melarikan diri akibat dasar anti-Cina dalam kalangan tentera Jepun. Ditambah lagi dengan serangan bertali arus Tentera Bersekutu untuk menawan semula Brunei yang mengakibatkan aktiviti perikanan hampir pupus sama sekali. Jika adapun hanyalah dilakukan secara sembunyi-sembunyi untuk memenuhi keperluan makanan sahaja.

Perusahaan perikanan hanya menampakkan perkembangan yang lebih cerah pada zaman Pentadbiran Residen British II. Perkembangan ini adalah disebabkan dasar pentadbiran yang memperlihatkan keterlibatan secara langsung Pentadbiran Residen British II dalam merancang, menyediakan peruntukan, memperkenalkan teknologi dan lain-lain bentuk campur tangan dalam perusahaan ini. Untuk memastikan perusahaan perikanan berjalan dengan lebih teratur dan sistematik, sebuah Jabatan Perikanan gabungan Brunei-Sarawak ditubuhkan. Selain itu,

Pentadbiran Residen British II juga telah menggubal dan menguatkuasakan satu undang-undang mengenai perusahaan perikanan.

Pentadbiran Residen British II juga telah memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan hasil pendaratan sumber perikanan dengan memperkenalkan bahan-bahan binaan keluaran kilang dan enjin bot perikanan dari luar. Usaha ini dijalankan bagi memastikan perusahaan perikanan dapat memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat akibat daripada pertambahan drastik penduduk Brunei pada zaman itu. Akan tetapi Pentadbiran Residen British II hanya bertanggungjawab dalam mempromosi dan memperkenalkan bahan-bahan binaan kilang dan enjin kepada nelayan. Keadaan ini telah memberi peluang sekali lagi kepada golongan pemodal Cina untuk mengawal dan menguasai perusahaan perikanan dari peringkat pengeluaran hinggalah ke peringkat pemasaran melalui satu sistem yang dipanggil 'sistem tauke'. Ini menunjukkan walaupun perusahaan perikanan dapat ditingkatkan pada zaman Pentadbiran Residen British II, namun demikian ia tidak berjaya untuk meninggikan taraf hidup para nelayan dalam erti kata yang sebenar.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> Pg. Sabtu bin Pg Hj Mahmud. *Sistem Pentadbiran Awam Brunei 1959-1971*. (Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam, 1992/1993), hlm. 7.

<sup>2</sup> Zaini Haji Ahmad. *Brunei Merdeka: Sejarah dan Budaya Politik*, (Brunei Darussalam: De'Imas Printing and Trading Company, 2003), hlm. 17.

<sup>3</sup> *Brunei Annual Report 1906*. hlm. 13-14, dan lihat juga Jatswan S. Sidhu. *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 58.

<sup>4</sup> *Brunei Annual Report 1910*, hlm. 15, dan lihat *Ibid.*

<sup>5</sup> Zaini Hj. Ahmad. *Brunei Merdeka*, hlm. 41.

<sup>6</sup> Sabihah Osman. et al. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995), hlm. 98-100; lihat juga A. V. M. Horton. "The Development of Brunei During The British Residential Era 1906-1959: A Sultanate Regenerated," (Disertasi Ph.D. University Of Hull, 1985), hlm. 331.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 103.

<sup>8</sup> A.V.M. Horton, "The Development of Brunei," hlm. 352.

<sup>9</sup> Mohammad Hj Awang Damit. "Pengukuhan Sistem Monarki di Brunei 1946-1986," (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1997), hlm. 10; lihat juga C.O. 943/1, f.78: Constitutions.

<sup>10</sup> *Brunei Annual Report 1949*, hlm. 17.

<sup>11</sup> *Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958*, (Jun 1958), hlm. 10; lihat juga Othman bin Hj Mat Don. "Sejarah Ekonomi dan Sosial Brunei 1953-1966: Menurut Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun Pertama dan Kedua," (Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam, 1992/1993), hlm. 20-23; Jiram anak Jamit, "Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di bawah Sistem Residen (1906-1959)," (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1997), hlm. 398-399.

<sup>12</sup> Brunei mendapat status Berkerajaan Sendiri pada tahun 1959.

- <sup>13</sup> Untuk lebih jelas lihat *Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958*.
- <sup>14</sup> Noralipah binti Mohamed, "Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja Filipina," (Latihan Ilmiah, Universiti Brunei Darussalam, 2000/2001), hlm. 23.
- <sup>15</sup> *Brunei Annual Report 1918*, hlm. 1-2.
- <sup>16</sup> *Brunei Annual Report 1922*, hlm. 21.
- <sup>17</sup> Jiram anak Jamit, "Perkembangan Pentadbiran," hlm. 143-145.
- <sup>18</sup> G.C. Harper, *The Discovery and Development of The Seria Oilfield*, Penerbitan Khas Bil. 10, (Brunei: Muzium Brunei, 1975), hlm. 21.
- <sup>19</sup> Yus Sabariah binti Hj Adanan, "Pendudukan Jepun di Brunei, Suatu Tinjauan Awal," *Pusaka*. Bil 4, (1991), hlm. 81.
- <sup>20</sup> Sabihah Osman, et al., *Sejarah Brunei*, hlm. 106; lihat juga A. V. M. Horton, "The Development of Brunei," hlm. 314.
- <sup>21</sup> *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).
- <sup>22</sup> *Brunei Annual Report 1924*, hlm. 5; lihat juga Jiram anak Jamit, "Perkembangan Pentadbiran," hlm. 186.
- <sup>23</sup> Untuk memudahkan mendapatkan komuniti India undang-undang mengenai penghijrahannya telah digubal iaitu *Indian Immigration Enactment* yang dikuatkuasakan pada tahun 1924.
- <sup>24</sup> Di sepanjang tempoh 1945-1959, banci penduduk bagi Brunei hanya dijalankan sekali sahaja iaitu pada tahun 1947. Banci penduduk yang sepatutnya dijalankan pada tahun 1941 tidak dapat dilaksanakan disebabkan Perang Dunia Kedua. Selepas tahun 1947, banci penduduk bagi Brunei hanya dijalankan pada tahun 1960.
- <sup>25</sup> Komuniti 'India' dimasukkan menjadi dalam komuniti 'Lain-Lain' pada banci 1960.
- <sup>26</sup> Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi*, hlm. 108.
- <sup>27</sup> Jiram anak Jamit, "Perkembangan Pentadbiran," hlm. 393.
- <sup>28</sup> Noralipah Binti Mohamed, "Pekerja Asing," hlm. 23.
- <sup>29</sup> Jatswan S. Sidhu, hlm. 109-110.
- <sup>30</sup> L. W. Jones, *Brunei: Report on the Census of Population Taken on 10th August 1960*, (Kuching: F. W. Goodwin, O. B. E., Government Printer), hlm. 73.
- <sup>31</sup> Lebih lanjut lihat Enactment No. IX of 1920 The Lights and Small Shipping Enactment, 1920.
- <sup>32</sup> Lim Jock Seng, "The Inter-Relationship of Technology, Economy and Social Organisation in A Brunei Village in Brunei," *Monograph of The Brunei Museum Journal*. No. 6. (Brunei Darussalam: The Brunei Museum, Brunei Darussalam, 1986), hlm. 112-118.
- <sup>33</sup> Temu bual dengan dengan Awang Hj Saat bin Hj Idris, pada 19 Mei 2003, jam 2.30 petang di rumah beliau, di Kampong Saba Darat, Brunei, dan Awang Hj Sulaiman bin Ja'afar, pada 9 Jun 2003, jam 3.00 petang, di rumah beliau, di Kampong Perpindahan Menteri, Brunei.
- <sup>34</sup> *Brunei Annual Report 1919*, hlm. 13; lihat juga Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi*, hlm. 29.
- <sup>35</sup> *Brunei Annual Report 1931*, hlm. 11.
- <sup>36</sup> *Brunei Annual Report 1929*, hlm. 8.



- <sup>37</sup> Temu bual dengan Pengarah Awang Hj Mokti bin Mohd Salleh, Awang Hj Sulaiman bin Hj Ismail, Awang Hj Rawana bin Bungsu, Awang Hj Asgar bin Osman dan Awang Hj Zainal bin Matasan, pada 19 Januari 2004, jam 2.00 petang, di rumah Penghulu, di Kampong Tamoi Hujung Brunei, dan Awang Hj Kassim Bin Bakar, pada 22 Januari 2004, jam 8.30 malam, di rumah beliau, di Kampong Setia A, Brunei dan Pateh Dato Paduka Hj Masri bin Ismail, pada 8 Januari 2004, jam 8.45 pagi, di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Brunei.
- <sup>38</sup> Sabihah Osman, et al. *Sejarah Brunei*, hlm. 98-100, lihat juga A. V. M. Horton, "The Development of Brunei," hlm. 331.
- <sup>39</sup> *Ibid.*, hlm. 106; lihat juga pendapat A. V. M. Horton. Lihat, *Ibid.*, hlm. 314.
- <sup>40</sup> Bahasa Brunei, sejenis tumbuhan palma (palem) yang daunnya dibuat atap, rokok daun dan sebagainya.
- <sup>41</sup> Temu bual dengan Awang Hj Kassim Bin Bakar, pada 22 Januari 2004, jam 8.30 malam, di rumah beliau, di Kampong Setia A, Brunei.
- <sup>42</sup> *Brunei Annual Report 1949*, hlm. 17.
- <sup>43</sup> Sabullah bin Hj Hakip. "Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Brunei dari Tahun 1906-1959," (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994), hlm. 148.
- <sup>44</sup> *Brunei Annual Report 1949*, hlm. 17.
- <sup>45</sup> *Brunei Annual Report 1950*, hlm. 17.
- <sup>46</sup> Sabullah bin Hj Hakip, "Sejarah Perkembangan," hlm. 149.
- <sup>47</sup> *Brunei Annual Report* (Berbagai-bagai keluaran).
- <sup>48</sup> Lim Jock Seng, "The Inter-Relationship of Technology," hlm. 67.
- <sup>49</sup> *Borneo Bulletin*, 23 January 1954, hlm. 4.
- <sup>50</sup> Temu bual dengan Pengarah Hj Kapitan bin Pengarah Hj Basi, pada 15 Mei 2003, jam 8.15 malam, di rumah beliau, di Kampong Setia A, Brunei.
- <sup>51</sup> Lim Jock Seng, "The Inter-Relationship of Technology," hlm. 67.
- <sup>52</sup> *Brunei Annual Report 1952*, hlm. 23.
- <sup>53</sup> *Brunei Annual Report 1956*, hlm. 55.
- <sup>54</sup> 'Sistem tauke' adalah satu sistem yang tidak memberi keuntungan kepada para nelayan. Para nelayan akan sentiasa dikawal oleh pemodal-pemodal Cina, kerana terpaksa menanggung hutang dalam masa yang agak panjang.
- <sup>55</sup> *Brunei Annual Report 1954*, hlm. 57.
- <sup>56</sup> *Brunei Annual Report 1952*, hlm. 23.
- <sup>57</sup> *Brunei Annual Report 1957*, hlm. 57.
- <sup>58</sup> Fail Setiausaha Kerajaan Brunei. BA/1983.1.0888-BRO/652/53. Application to Install Ice Plant in Muara.
- <sup>59</sup> Syarikat ini dikenali oleh orang Brunei sebagai kedai 'Snowman'.
- <sup>60</sup> Fail Setiausaha Kerajaan Brunei. BA/1983.1.0620-SUK/609/52/TEMP-BOX 56. Brunei Ice Aerated Water Company Cathay Building.
- <sup>61</sup> *Brunei Annual Report 1956*, hlm. 58.
- <sup>62</sup> *Pelita Brunei*, 25 Oktober 1967, hlm. 5

<sup>63</sup> Temu bual dengan Pengarah Hj Kapitan bin Pengarah Hj Basi, pada 15 Mei 2003, jam 8.15 malam, di rumah beliau, di Kampong Setia A, Brunei.

<sup>64</sup> *Rancangan Kemajuan Negara Pertama, 1953-1958*, hlm. 99-100.

<sup>65</sup> *Rancangan Kemajuan Negara Pertama, 1953-1958*, hlm. 100-102, lihat juga *Pelita Brunei*. 1 Julai 1956, hlm. 6.

<sup>66</sup> Mengikuti rancangan dalam RKN pertama tiga buah perahu menangkap ikan yang akan didatangkan.

<sup>67</sup> *Berita Brunei*, 23 Mei 1957, hlm. 1.

<sup>68</sup> *Rancangan Kemajuan Negara Pertama, 1953-1958*, hlm. 101.

<sup>69</sup> *Brunei Annual Report 1958*, hlm. 58.

<sup>70</sup> *Brunei Annual Report 1956*, hlm. 55.

<sup>71</sup> Lebih lanjut lihat State of Brunei Enactment No. 14 of 1958. The Sea Fishing and Kilongs Enactment, 1958.

<sup>72</sup> *Brunei Annual Report* (Berbagai keluaran).